

BERITA HARIAN

DATE: 15 / 11 / 2007

CSR tingkat daya saing negara

BH - 15/11/2007

Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat galak sektor swasta prihatin bantu masyarakat

Oleh Azman Zakaria
dan Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR: Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) akan digunakan sebagai satu daripada strategi untuk meningkatkan daya saing Malaysia, melalui pendekatan yang tersusun, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi.

Katanya, Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan merangka dasar dan pelan pembangunan CSR dalam konteks daya saing nasional, pembangu-

nan sosial dan isu alam sekitar.

"Mekanisme insentif juga dirangka bagi memastikan syarikat melaksanakan CSR tanpa menjejaskan kepentingan komersial dan daya saing," katanya pada majlis penyampaian Anugerah CSR Perdana Menteri 2007 yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Konvensyen Sime Darby, di sini, semalam.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, pula berkata anugerah itu bertujuan menggalak-

kan korporat membantu masyarakat.

Pada majlis itu, kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) merangkul Anugerah CSR Perdana Menteri 2007 bagi Kategori Khas: Laporan Media.

Anugerah disampaikan Perdana Menteri kepada Timbalan Pengerusi NSTP, Datuk Seri Kalimullah Hassan.

Syarikat dalam Kumpulan Media Prima Bhd, TV3, turut merangkul anugerah Kategori Khas: Laporan Media. Hadiah diterima Ketua Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima, Datuk Seri Ahmad Farid Ridzuan.

“Mekanisme dirangka bagi memastikan syarikat laksana CSR tanpa jejas kepentingan komersial”

Mohd Effendi Norwawi
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Pemilihan NSTP berdasarkan liputan isu pulihara hasil seni budaya, memajukan teater dan industri filem, pemuliharaan alam sekitar, kecemerlangan sukan, cabaran fizikal dan mental golongan kurang upaya.

Anugerah keseluruhan CSR dimerangi DiGi Telecommunications Sdn Bhd bagi inisiatif syarikat itu menyebarkan unsur sama rata dalam struktur organisasinya, selain merangkul Anugerah Kebudayaan dan Warisan, Amalan Budaya Kerja Cemerlang, Anugerah diterima Ketua Eksekutif DiGi.Com Bhd, Morten Lundel.